

Headline	RM11.8j kukuhkan bekalan elektrik		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	22 Apr 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	27
Section	Dlm Negeri	Journalist	N/A
ArticleSize	327 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 19,566		



# RM11.8j kukuhkan bekalan elektrik

**PETALING JAYA 21 April** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan RM11.8 juta untuk tujuan memperkuatkan sistem bekalan elektrik akibat peningkatan penggunaan tenaga di beberapa kawasan barat Kuala Lumpur termasuk di Damansara Damai di sini.

Pengurus Besar (Kuala Lumpur), Bahagian Pembahagian TNB, Datuk Ir. Lim Yew Soon berkata, peruntukan perbelanjaan modal itu adalah untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di kawasan terlibat selain untuk tujuan penyelenggaraan sedia ada.

Katanya, hasil daripada komitmen berterusan pengurusan TNB Kuala Lumpur, tempoh gangguan bekalan elektrik di seluruh ibu negara pada tahun lalu hanya mencatatkan 28.83 minit direkodkan bagi setiap pengguna.

"Bagi kawasan Damansara Damai pula telah berjaya menca-

tatkan tempoh gangguan lebih rendah iaitu 20.8 minit sahaja pada tahun lalu.

"Penggunaan elektrik secara berhemah, selamat dan bijak mengikut peraturan dalam kalangan pengguna disarankan bagi mencegah kemalangan tidak diingini," katanya ketika hadir dalam Program TNB Bersama Komuniti Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini.

Dalam majlis itu, TNB turut menyumbangkan sebanyak 14 buah pendingin hawa kepada Persatuan Penduduk Damansara Damai dan tiga buah disumbangkan kepada tiga buah sekolah di kawasan berdekatan bernilai RM26,000.

Mengenai kewujudan persepsi negatif berhubung pembinaan menara kabel voltan tinggi, katanya, persepsi sedemikian masih lagi wujud lebih-lebih lagi kebimbangan orang ramai yang tidak beriras berhubung ancaman kepada

tahap kesihatan akibat radiasi dan pelbagai lagi.

Katanya, tidak timbul sebarang isu keselamatan mahupun ancaman kesihatan kepada penduduk yang berhampiran dengan menara rangkaian kabel dan pencawang TNB kerana aspek keselamatannya telah digariskan dan selamat.

"Malah menjadi persoalan apabila bagaimana isu mengenai keselamatan dibangkitkan sedangkan aktiviti pencurian kabel serta penempatan haram berhampiran menara-menara TNB masih wujud."

"Sebaliknya masyarakat seharusnya mengetahui bahawa pembinaan menara pencawang tersebut adalah demi memberi perkhidmatan tenaga yang terbaik dan sememangnya keselamatan di setiap menara-menara TNB adalah selamat serta tiada sebarang gelombang berbahaya," katanya.



**LIM YEW SOON** (lima dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada wakil persatuan penduduk Damansara Damai dalam Program Tenaga Nasional Berhad (TNB) Bersama Komuniti peringkat Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

- UTUSAN/AMIR HAFIZ